

SMK Pantai IBWS Johan Memasak Kebangsaan



Labuan, 3 Oktober – SMK Pantai IBWS menjadi Johan Memasak Peringkat Kebangsaan Anjuran Bersama Nestle Bhd dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berlangsung di Kota Bahru, Kelantan pada 2 Oktober 2017 dan meraih hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00, Sijil dan Tropi selain hadiah iringan.

SMK Pantai seterusnya akan mewakili Malaysia dalam Pertandingan Kulinari di Indonesia pada 26-28 November 2017.

Ini adalah kejuaraan kali kedua diraih oleh SMK Pantai, setelah menjuarainya untuk kali pertama pada Tahun 2012 di Kuching, Sarawak.

SMK Pantai diwakili oleh adik Evania Liew Hui Chen, Siti Zurida Mohd Affendi Male dan Fazira Rundang dengan diiringi oleh dua orang guru iaitu Cikgu Amisah Martin dan juga Cikgu Nor Rozilawati Moktar serta seorang

Pegawai Jabatan Pendidikan Labuan Encik Asmawi Hj Ahmad.

Dalam pertandingan tersebut, kumpulan ini telah menyediakan sajian lazat Warisan Tiga Rasa Serangkai iaitu ubi kepal, pais ikan dan kerabu jantung pucuk ubi. Apa yang paling menarik, bagaimana mereka menggunakan setiap bahagian pokok ubi kayu secara kreatif, bermula bahagian ubi sehingga ke pucuk dalam hidangan itu.

Pengetua SMK Pantai ib World School, Sahar Misron melahirkan rasa gembira atas kejayaan tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga sekolah, dan warga Labuan yang mendoakan kejayaan sekolah ini dan mengundi melalui media sosial facebook.

Kejayaan ini berkat sokongan semua pihak berbekalkan ungkapan keramat " SMK Pantai IBWS Menjulang Nama dan Sorakan 123" juga slogan "Kemenjadian dan kecemerlangan murid Labuan bermula di sini" dan "Labuan Hebat: Guru Sayang Muridnya"

Semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat untuk meraih Johan Antarabangsa di Indonesia kelak.

**LICER 2017 Platform Kongsi
Pembelajaran Lebih
Berinovasi**



LABUAN, 2 Okt – Labuan International Conference On Educational Research (LICER) 2017 merupakan platform terbaik bagi guru-guru khususnya di Labuan berkongsi pengalaman mengajar serta membentangkan kertas kerja mereka khususnya bentuk pembelajaran yang lebih inovatif dan kreatif yang diamalkan pada abad ke-21 ini.

Menurut Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin, LICER telah mengundang pembentang-pembentang kertas kerja yang berpengalaman khususnya tentang cara pembelajaran yang lebih inovatif dari Thailand, Korea Selatan, Brunei serta Vietnam yang boleh dikongsi dan dipraktikkan oleh guru-guru di sini.

“LICER ini diharap mampu mencungkil kebolehan tenaga pengajar dalam menghasilkan kertas kerja dan kajian yang memberi impak yang berkesan kepada para pelajar dalam suasana pembelajaran abad ke-21 yang lebih kreatif dan berinovasi.

Encik Raisin Saidin



“Hasil kajian yang berjaya telah dipraktikkan di sekolah masing-masing yang akan dibentangkan pada LICER kali ini bagi tujuan perkongsian ilmu serta membentuk jaringan komunikasi yang baik antara peserta dan para pembentang kertas kerja”, ujar Encik Raisin Saidin lagi semasa Majlis Perasmian LICER 2017 tersebut di sini, petang semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Pembangunan), Datuk Sulaiman Wak berkata kementerianya amat mengalakkan para pengajar sentiasa berfikir di luar kotak dalam menghasilkan budaya pembelajaran yang lebih kreatif serta menggalakkan budaya pembelajaran inovasi dalam kelas.

Datuk Sulaiman memuji Jabatan Pendidikan Labuan yang meneruskan kesinambungan dalam menganjurkan LICER 2017 ini yang pada masa yang sama dapat menjadikan pulau bebas cukai tersebut sebagai “Hub Education Research” kementerianya di negara ini.

Seramai 88 orang pembentang kertas kerja serta 108 peserta dari seluruh negara yang menyertai LICER kali ini yang bertemakan “To Encourage Innovation and Promote A Research Society in 21st Century”.

Sumber Berita : [Uda Bayas, 29 September 2017](#)

Sepetang Bersama Timbalan Menteri Pendidikan I



LABUAN, 29 Okt – YB Dato' P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan telah menghadiri Majlis Sepetang Bersama Timbalan Menteri Pendidikan I, di Dewan Mutiara, Kolej Matrikulasi Labuan yang dihadiri oleh 700 orang guru sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapannya, YB Dato' P. Kamalanathan berkata sumbangan guru-guru mendidik anak bangsa di serata negara merupakan jasa dan pengorbanan yang tidak ternilai harganya.

Katanya, dalam konteks pendidikan, guru berperanan sebagai individu yang membina dan membentuk kualiti individu murid dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan aspirasi negara.

“Matlamat membina negara bangsa hanya dapat direalisasikan melalui Pendidikan Abad Ke-21 yang telah dilaksanakan untuk melahirkan murid yang dinamik dan seimbang dalam semua aspek. Pembelajaran berpaksikan murid boleh memberi ruang dan peluang kepada murid mengetengahkan ketrampilan diri dan mereka”



Sesi soal jawab YB Dato' P.Kamalanathan bersama guru-guru Labuan

YB Dato' P. Kamalanathan juga mengajak guru-guru agar berusaha bersungguh-sungguh bagi menjadikan sistem pendidikan negara merupakan sistem pendidikan yang terbaik di dunia dan dapat melahirkan sebuah negara bangsa yang aman, harmoni dan bersatu padu.

Sementara itu, dalam ucapan aluan, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin berkata warga Jabatan Pendidikan WP Labuan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk melahirkan kemenjadian murid yang bakal menjadi nadi penggerak negara di masa mendatang.

Hasilnya beberapa kejayaan yang dicapai samada di

peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dalam pelbagai acara yang dikongsikan melalui portal [JPWPL Sana Sini](#).

“Pendidikan yang berkualiti banyak ditentukan oleh pihak guru. Jika kualiti guru dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, pastilah pendidikan kita dapat mencapai tahap gemilang. Untuk itu kami berusaha meningkatkan kualiti Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dengan melaksanakan pembangunan pendidikan yang berterusan berkaitan pembelajaran abad ke 21”, katanya lagi.

Hadir sama Pengarah KML, Tuan Haji Mohd Yusof Samad, Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia, Labuan, Encik Omar Baki Matusin dan Yang Dipertua Majlis Guru Besar Labuan, Encik Jaafar Matusin, Ketua-ketua Sektor, Pengetua dan Guru Besar.



Guru-guru yang hadir Sepetang Bersama Timbalan Menteri Pendidikan I

Program 1 SRN 1 Komuniti 1 Kasih Sayang Kolej Matrikulasi Labuan Bersama SK Sungai Lada



30 September 2017 / Labuan – Sekretariat Rukun Negara Kolej Matrikulasi Labuan (KML) telah menganjurkan Program 1 SRN 1 Komuniti 1 Kasih Sayang Kolej Matrikulasi Labuan Bersama SK Sungai Lada. Program tersebut merupakan program serentak dilaksanakan di seluruh negara.

Program yang melibatkan aktiviti pengambilan anak angkat, aktiviti LDK, ceramah keibubapaan dan gotong royong ini telah dirasmikan oleh Pegawai Angkat Perhubungan Sekolah, Tuan Hj Yunus bin Yusoff. Semasa ucapan perasmian, beliau menyatakan bahawa usaha merupakan kunci kepada kejayaan kerana cita-cita tanpa usaha hanyalah mimpi semata-mata dan salah satu usaha untuk berjaya adalah dengan banyak bertanya dan menelaah. Menurut beliau lagi, program anak angkat ini merupakan satu usaha pihak KML yang sangat efektif dalam membantu murid-murid sekolah rendah meningkatkan kecemerlangan akademik mereka.



24 orang murid SK Sungai Lada terdiri daripada murid tahun 5 yang bakal menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2018 dijadikan adik angkat kepada 48 orang pelajar KML. Setiap dua orang pelajar KML mengambil seorang murid SK Sungai Lada menjadi adik angkat mereka dan pelajar KML tersebut secara langsung menjadi anak angkat kepada keluarga murid berkenaan.

Menurut Guru Besar Sk Sungai Lada, Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, program ini dapat memberikan manfaat yang baik kepada semua pihak. Pelajar KML akan dapat membimbing murid-murid SK Sungai Lada dalam mata pelajaran yang susah seperti Bahasa Inggeris dan matematik kerana pelajar-pelajar KML yang dipilih merupakan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik. Manakala, pelajar-pelajar KML berkenaan juga mendapat keluarga baharu di Labuan kerana kebanyakan mereka merupakan pelajar yang berasal dari Sabah mahupun Sarawak. Beliau juga menekankan agar murid Sk Sungai Lada dan pelajar KML menyematkan nilai dalam diri bahawa yang

tua dihormati dan yang muda disayangi agar dapat memupuk kerjasama dan kasih sayang dalam kalangan pelajar KML, murid-murid SK Sungai Lada, ibu bapa dan masyarakat.

Ceramah keibubapaan turut diberikan oleh Penyelaras Program, Encik Zamri Bin Palin. Menurut beliau, objektif program ini dijalankan adalah bagi membantu sekolah-sekolah di Labuan untuk mencapai kecemerlangan dengan bantuan pelajar-pelajar KML. Oleh itu, kerjasama merupakan asas kepada kejayaan program ini iaitu kerjasama di antara pihak KML dengan sekolah serta kerjasama di antara ibu bapa dan pelajar-pelajar KML. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa kemenjadian ibu bapa akan membentuk anak-anak yang berjaya. Bagi meraih kemenjadian ini, ibu bapa perlu berkorban masa dan tanggungjawab mereka. Ibu bapa yang cemerlang akan dapat menghasilkan anak-anak yang berjaya.

Sumber berita : Dayang Siti Hasanah

Imbau Nostalgia Government English School (GES) yang kini dikenali sebagai SMK Labuan



26 September, Labuan – Seramai lima orang bekas murid Government English School (GES) sekitar tahun 1950-an dan 1960-an telah melawat SMK Labuan pada 21 September bagi mengimbau kembali nostalgia zaman persekolahan dan melihat sendiri perkembangan sekolah mereka sejak 60 tahun lalu.

SMK Labuan dahulunya dikenali sebagai Government English School (GES) sebelum bertukar nama pada tahun 1970.

Ahli rombongan yang melawat :

1. Encik Han Siew Kwong (menetap di Labuan), bersekolah di GES 1955-1960
2. Encik Joseph Chong (menetap di Sidney B.C Canada), bersekolah di GES 1955-1962
3. Encik Jeffrey Wright (menetap di Port Lincoln, South Australia), bersekolah di GES 1958-1959
4. Encik Ibrahim Datuk Hj Fadzil (menetap di Labuan), bersekolah di GES 1963-1967
5. Encik David Teo (menetap di Kota Kinabalu), bersekolah di GES 1965-1967

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah berkesempatan

membawa rombongan melawat sekitar sekolah yang telah mengalami banyak perubahan sejak sekolah tersebut ditubuhkan.

Mereka dibawa melawat ke bangunan-bangunan asal GES yang masih ada dan kelas-kelas tempat mereka belajar dahulu termasuk bangunan-bangunan baru yang dibina secara berperingkat-peringkat hingga sekarang.



Ahli rombongan dibawa melawat ke kelas-kelas lama zaman GES

Pada sesi lawatan tersebut juga, Majlis menandatangani dokumen Surat Hasrat (Letter of Intent) antara pihak sekolah dan bekas pelajar GES 1950an dan 1960an telah dibuat dan kandungan dokumen tersebut ialah :

Kumpulan Bekas Pelajar GES 1950an dan 1960an akan memberi sumbangan dalam bentuk idea, kemahiran, motivasi atau apa saja bentuk sumbangan yang ingin diberikan untuk faedah SMK Labuan.

Encik Ismail menandatangani bagi pihak SMK Labuan, dan En Han Siew Kwong menandatangani bagi pihak Kumpulan Bekas

Pelajar GES. Turut hadir ialah Encik Ag Rozlan bin Manan (PK Pentadbiran) dan Encik Cheah Teong Aik (PK Kokurikulum).



Majlis menandatangani Surat Hasrat. Dari kiri Ibrahim Datuk Hj Fadzil, David Teo, Joseph Chong, Ismail Abdullah, Han Siew Kwong, Jeffrey Wright, Cheah Teong Aik dan Ag Rozlan Manan.

Surat Hasrat ini akan membawa kepada perancangan kedua-dua pihak untuk memulakan aktiviti seperti ceramah motivasi dan perkongsian pengalaman serta kepakaran ahli-ahli Kumpulan Bekas Pelajar GES kepada murid-murid SMK Labuan tidak lama lagi.

Pihak sekolah berharap perhubungan ini akan memberi impak dan faedah kepada SMK Labuan untuk jangka panjang kerana bekas-bekas pelajar yang telah lebih separuh abad meninggalkan sekolah masih mempunyai hasrat dan keinginan untuk membantu sekolah dalam pelbagai perkara.

Pihak sekolah juga akan mewujudkan perhubungan dengan kumpulan bekas-bekas pelajar SMK Labuan 1970an hingga era 2000 dengan harapan agar perhubungan tersebut nanti akan

memberi faedah kepada sekolah dan juga kepada masyarakat WP Labuan secara keseluruhannya.

Sumber Berita : SMK Labuan

Cetus Minat Murid Belajar Melalui ICT



Labuan 25 September – Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran cetus minat murid untuk belajar di dalam kelas.

Demikian pembentangan oleh Cikgu Hazniza Basri dari Sekolah Kebangsaan Bebuloh dalam perkongsian ilmu pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke 21 di Majlis Perhimpunan Bulan September Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan pada khamis lalu, bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Labuan.

Beliau banyak mengambil peluang untuk menggunakan kemudahan ICT sekolah dan aplikasi ICT seperti Frog VLE, Quizizz termasuk perisian Google dalam PdP dengan dibantu oleh Guru Penyelaras Bestari sekolah, Cikgu Mohd Reno Idris.

Cikgu Hasniza telah dianugerahkan sebagai Guru Tauladan bagi amalan PdPc abad ke 21 bagi bulan September 2017.

Pada mulanya, Agak sukar untuk melaksanakan PdP menggunakan ICT kerana perlu mengambil masa yang lama untuk persiapan segala peralatan ICT berfungsi untuk digunakan oleh murid. Tetapi lama-kelamaan, ianya telah menjadi rutin dan hanya mengambil masa 5 hingga 10 minit sahaja untuk memulakan PdP menggunakan ICT.



Cikgu Hasniza sedang membentangkan perkongsian ilmu PdP abad ke 21

Dalam ucapan penutup di majlis tersebut, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Encik Raisin Saidin memuji Cikgu Hazniza dan berharap semua guru dapat menerapkan elemen ICT dalam PdP kerana ianya merupakan anjakan yang ke 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

2013-2025 iaitu Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia.

Kita sentiasa memberi ruang dan peluang kepada guru-guru Labuan berkongsi ilmu dan kemahiran terutamanya pembelajaran abad ke 21 bagi menjadi contoh dan amalan kepada guru-guru lain dalam menghasilkan kemenjadian murid sebagai salah satu aspirasi untuk memacu negara di masa akan datang.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua sektor, Pengetua dan Guru Besar di atas kejayaan jabatan dan sekolah sepanjang bulan Ogos yang lepas.

Beliau juga memohon agar pihak sekolah dapat menjejaki kejayaan murid-murid dari semasa ke semasa bagi melihat hasil kemenjadian murid di masa akan datang.

Pada majlis tersebut juga diadakan bacaan ikrar Perkhidmatan Awam dan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam, penyampaian anugerah dan sijil, '*staff of the month*' .

Tidak lupa penyampaian kad dan hadiah hari lahir serta pemotongan kek kepada warga pendidikan yang lahir pada bulan September, diakhiri dengan nyanyian 'Di sini lahirnya sebuah cinta' dan 'Aku Negaraku'.

Sumber Berita : Cikgu Nizam, SPA

Inovasi Murid Menyerlah di Hari Kemerdekaan SK Tanjung Aru



21 September 2017 / Labuan – SK Tanjung Aru telah mengadakan Majlis Penutupan Hari Kemerdekaan bertempat di Dewan Sri Tanjung. Bulan Kemerdekaan pada tahun 2017 ini telah dilancarkan pada 21 Ogos 2017 yang lalu.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan semenjak Bulan Kemerdekaan ini dilancarkan pada Ogos yang lalu seperti Pertandingan Kelas Paling Patriotik, Pertandingan Deklamasi Sajak, Pertandingan Meja Guru Patriotik, Pertandingan mewarna dan melukis poster Kemerdekaan, Pertandingan Basikal Patriotik dan Pakaian Patriotik kategori guru dan murid.

Pertandingan Rekacipta daripada bahan terpakai memperlihatkan hasil kreativiti dan inovasi murid-murid SK Tanjung Aru yang cukup cantik dan menarik. Agak sukar untuk para juri menentukan pemenang bagi pertandingan tersebut.



Semangat Negaraku, Anak-anak Malaysia SK Tanjung Aru

Setiap pertandingan yang dianjurkan mendapat sambutan yang hangat daripada murid-murid sekolah dan para guru. Ibu bapa juga turut memberikan idea yang memberangsangkan sepanjang Bulan Kemerdekaan ini berlangsung.

Kerjasama yang erat antara pihak sekolah dan ibu bapa semasa Bulan Kemerdekaan ini menambahkan lagi keakraban hubungan antara kedua-dua pihak.



Para guru SK Tanjung Aru yang bersemangat patriotik

Guru Besar SK Tanjung Aru, Puan Murni Binti Jaafar mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatan Kuasa Kerja yang bertungkus lumus menjayakan semua aktiviti sepanjang Bulan Kemerdekaan serta Hari Penutupan yang begitu meriah sekali.

Beliau juga berkata, semangat patriotik dan cintakan negara sebaiknya diterapkan di dalam jiwa anak-anak bermula dari sekarang demi melahirkan modal insan yang cemerlang dan sayangkan negara kelahiran kita. Daripada ini, anak bangsa dapat menghayati erti kemerdekaan yang sebenar agar anak-anak didik SK Tanjung Aru saling menghormati dan mengasihi sesama insan tanpa mengira kaum dan agama.



Johan pakaian paling patriotik

Majlis yang meriah ini dihadiri oleh semua pentadbir sekolah iaitu Puan Murni Binti Jaafar selaku Guru Besar Sekolah, Puan Hajah Aini Binti Salleh yang merupakan Penolong Kanan Pentadbiran dan Puan Normah Binti Rahimi sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Sumber Berita : Kartika John

SM St. Anthony Juara Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Kemerdekaan Ke-60



17 September – Kolej SEGI Subang Jaya telah mengumumkan keputusan pemenang bagi Pertandingan menghasilkan video pendek sempena Hari Kemerdekaan kali yang ke-60. Tema

pertandingan pada tahun ini ialah “Negaraku, Malaysiaku”.

Pertandingan ini telah disertai oleh 7 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia iaitu SMK Subang Jaya, SMK Convent Klang, SMK Batu 8 Puchong, SMK Bandar Puchong Jaya, SM St. Anthony, SMK Sungai Pelek dan SMK Sungai Manggis.

Sekolah Menengah St. Anthony Wilayah Persekutuan Labuan telah dinobatkan sebagai Johan dalam pertandingan ini dan mendapat wang tunai sebanyak RM 1,500.00.

Tempat kedua telah dimenangi oleh SMK Batu 8, Puchong Selangor dan mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM1000.00, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh SMK Sungai Manggis, Banting Kuala Langat, Selangor dengan mendapat RM500.00.

Sekolah Menengah St. Anthony telah diwakili oleh empat orang murid iaitu Davson Howel Lim, Muhammad Hafiz Shahmi Bin Muslimin, C.J. Alroy Tamun C. Mahanggil dari kelas Empat Sirius dan seorang pelajar dari kelas Empat Orion iaitu Lyleornie Lauryn Lawrence. Semua pelajar ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4.

Penganjur telah mengumumkan video yang mereka hasilkan telah ditonton oleh 100,000 orang penonton dan 12,000 orang yang menyukai serta berkongsi video tersebut.



Paparan gambar video yang dihasilkan oleh pelajar SM St Anthony

Menurut ketua kumpulan, Davson, video itu telah disiapkan oleh mereka dalam tempoh satu minggu dan mereka tidak menyangka boleh memenangi pertandingan tersebut.

Pengetua SM St. Anthony, Puan Dona Undoh sentiasa memberikan galakan, sokongan dan dorongan kepada mereka dalam menghasilkan video ini.

Harapan pengetua agar lebih banyak lagi murid-murid SM St. Anthony menyertai pertandingan seumpama ini bagi mencungkil bakat terpendam dalam kalangan murid. Beliau amat berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh murid-murid ini.

Pihak Jabatan mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada sekolah SM St Anthony. Kecemerlangan Pendidikan dan Kemenjadian Murid Wilayah Persekutuan Labuan bermula di sini.

Sumber Berita : Dk Suhana Pg Tassip

Program Pembangunan Insaniah: Pendidikan Luar Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan Zon Malaysia Timur 2017



20 September, Labuan – Program Pembangunan Insaniah: Pendidikan Luar Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan Zon Malaysia Timur 2017 telah berlangsung pada 15 hingga 18 September bertempat di Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, Kem Malangan.

Program anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah ini disertai oleh tiga buah negeri yang terdiri daripada Sabah, Sarawak dan Labuan.

Ianya bertujuan melahirkan individu yang berpengetahuan, berpengalaman dan berkemahiran dalam aktiviti pendidikan luar yg terancang serta boleh mengaplikasikannya dlm kehidupan seharian.

SMK Labuan dan SMK Pantai telah menyertai program tersebut dengan jumlah peserta seramai 20 orang pelajar. SMK Labuan diwakili oleh 10 peserta pelajar perempuan dan SMK Pantai disertai 10 peserta lelaki.

Pasukan tersebut diiringi oleh dua orang guru iaitu Cikgu Hassan Abadin dari SMK Pantai dan Cikgu Evelyn Modiun, SMK Labuan.

Acara-acara yang dipertandingkan adalah Abseiling, Flying Fox, Basikal Eksplorasi, Low Element, Wall Climbing, Labyrinth Orienteering dan Permainan Dinamika.

SMK Labuan telah menyapu bersih aktiviti Wall Climbing kategori perempuan dengan mendapat johan, naib johan dan tempat ketiga.

Sekolah tersebut juga telah memenangi tempat ketiga kategori perempuan dalam acara basikal, orienteering, low element dan aktiviti berpasukan basikal dengan orienteering.

Adik Noor Azizah binti Abd Aziz , Tingkatan 4 Harmoni SMK Labuan telah diumumkan sebagai peserta perempuan terbaik.



Peserta perempuan terbaik, adik Noor Azizah menerima hadiah daripada YM Ir Datu Jamigul

Pengetua SMK Labuan mengucapkan syabas dan tahniah kepada peserta yang menyertai program tersebut.

Semoga murid-murid lebih berkeyakinan, meningkatkan daya kepimpinan dan dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang dipelajari di dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan luar sekolah.

Majlis penutupan program telah dirasmikan oleh YM Ir Datu Jamigul Hj Datu Salin Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Sabah.

Turut hadir majlis tersebut, Pengarah Pendidikan Jabatan

Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin dan Tuan Hj Mohd Rashid Mean, wakil Kementerian Pendidikan Malaysia.

My Digital Maker 2017 Bantu Bakat Muda Rangsang Inovasi Digital



19 September 2017, Labuan – Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta rakan industri dan academia sedang rancak melaksanakan satu inisiatif nasional yang dinamakan mydigitalmaker yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Ogos 2016 yang lalu.

Inisiatif #mydigitalmaker mendekatkan murid memahami bagaimana teknologi seperti pengkodan dan pembuatan 3D dapat memupuk minat serta kesedaran kepada mereka untuk meneroka, seterusnya merangsang idea baru dalam menghasilkan ciptaan inovasi digital.

Inisiatif ini juga diadakan untuk menyokong pelaksanaan kurikulum baru TMK KSSR dan KSSM yang bermula 2017 secara berfasa yang memberi penekanan kepada pemikiran komputasional dan elemen sains komputer. Pelbagai program sedang dan akan dilaksanakan melalui inisiatif #mydigitalmaker yang antaranya adalah pelaksanaan Kelab-Kelab Pengerak Digital & Duta Pengerak Digital (kokurikulum).

Bagi menyemarakkan inisiatif ini, program LEVEL UP @SCH00LS telah dilaksanakan di 70 sekolah menengah terpilih. Program perkongsian pintar antara Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan pihak industri yang menawarkan pembangunan aplikasi permainan video melalui pelbagai platform (cross-platform video game engine) ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, inovasi digital dan kreativiti murid.

Program LEVEL UP @ SCH00LS ini telah dijalankan bermula pada Februari sehingga Julai 2017 dan kemuncaknya Pameran #MyDigitalMaker berlangsung pada 16 hingga 17 September di Kuala Lumpur Convention Centre .

SMK Labuan telah memenangi Anugerah *The Best Project of #MyDigitalMaker Computer Club Award* (Kelab Pengerak Digital Komputer) bagi kategori sekolah menengah Pertandingan #MyDigitalMaker : LEVEL UP @ SCH00LS Game Awards, selain memenangi Anugerah penyertaan tertinggi.



Barisan Pemenang SMK Labuan bersama Encik Ismail (tengah), Cikgu Siow (tiga kiri) dan Ketua Unit Kokurikulum JPWPL, Encik Subari (kanan)

Tidak ketinggalan, Sekolah Kluster Kecemerlangan SK St Anne juga telah memenangi Anugerah *The Best Project of #MyDigitalMaker Computer Club Award* bagi kategori sekolah rendah.

Majlis Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Tn Hj Zaidi bin Yazid, Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hadiah anugerah *The Best Project of #MyDigitalMaker Computer Club Award* berupa medal, tiket penerbangan dan penginapan menghadiri pameran #MyDigitalMaker. Manakala, trofi dan wang tunai RM2000 bagi Anugerah Penyertaan Tertinggi.



Guru Besar SKK St Anne, Puan Shim (tiga kiri) bersama Cikgu Latif (tiga kanan) dan Encik Subari (dua kanan)

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah menzahirkan rasa kesyukuran atas kejayaan murid-murid SMK Labuan yang dapat bersaing dan mengatasi 70 buah sekolah yg lain. Terima kasih kepada Jabatan Pendidikan WP Labuan yang memberi ruang dan peluang kepada murid-murid menyertai program ini.

Pasukan SMK Labuan dibimbing oleh Guru Penyelaras Bestari, Cikgu Siow May Yun yang dianggotai oleh adik Howard Hii Dai Jie, Chan Zuan Qin dan Teo Chung Henn. Manakala Guru Pembimbing bagi SKK St Anne ialah Cikgu Abdul Latif Tokiran yang juga merupakan Guru Penyelaras Bestari sekolah.

Semoga program ini dapat merangsang bakat muda yang bukan sekadar sebagai pengguna tetapi pencipta kepada inovasi teknologi ICT. Syabas dan tahniah diucapkan.